

# Semakan SST bersasar sokong kedudukan fiskal negara

**Semakan** kadar Cukai Jualan dan peluasan skop Cukai Perkhidmatan (SST) yang dilaksanakan mulai 1 Julai 2025 adalah langkah fiskal bersasar bagi memastikan kedudukan kewangan negara kekal mampan, kata pakar percukaian.

Ketua Cukai PwC Malaysia, Steve Chia, berkata langkah itu telah dijangka susulan pengumuman Belanjawan 2025 dan perlu dilihat dalam konteks usaha jangka sederhana kerajaan untuk memperkukuh hasil negara.

“Meskipun pelaksanaan ini bertujuan menyokong matlamat fiskal jangka sederhana, penyelesaian jangka panjang masih diperlukan bagi menjamin sumbangan hasil berterusan dan mampan kepada negara,” katanya.

Beliau menegaskan kerajaan komited untuk mengehendkan peluasan skop kepada barangan tidak penting dan perkhidmatan antara perniagaan (B2B) sahaja bagi mengelak beban berlebihan kepada rakyat.

Terdahulu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, mengumumkan semakan kadar dan peluasan skop SST akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 sebagai sebahagian daripada strategi memperkukuh kedudukan fiskal negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Mengulas lanjut, Chia berkata, antara cabaran utama dalam pelaksanaan semakan ini ialah memastikan kos berlapis dapat dielakkan daripada berlaku sepanjang rangkaian nilai.

“Sejak pengumuman Belanjawan lalu, kerajaan giat menjalankan sesi libat urus bersama pihak industri dan profesional percukaian, termasuk persatuan industri bagi memastikan semakan ini dilaksanakan secara telus serta mengambil kira implikasi terhadap sektor terlibat,” katanya.

Beliau berpandangan pendekatan ini mencerminkan usaha kerajaan yang berhati-hati dalam mengenal pasti bidang sesuai untuk pelaksanaan kadar baharu serta peluasan skop cukai agar kesannya tidak membebankan rakyat.

Sementara itu, Ketua Cukai KPMG Malaysia, Soh Lian Seng, berkata semakan terhadap struktur SST dilihat langkah memperbaiki sistem percukaian yang

sebelum ini dianggap kurang komprehensif berbanding sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

“Langkah ini dapat membantu menjadikan struktur cukai lebih progresif dan saksama, di samping meluaskan asas cukai negara,” katanya.

Lian Seng berkata, peluasan skop perkhidmatan bercukai dan semakan kadar mampu meningkatkan hasil kutipan negara yang amat diperlukan untuk menyokong kedudukan fiskal Malaysia dalam jangka sederhana.

Beliau turut menyifatkan pengumuman semakan ini sebagai petanda usaha kerajaan mempertingkatkan kecekapan dan keadilan sistem percukaian negara.

Bagaimanapun, Lian Seng

menjangkakan berlaku lonjakan sementara dalam perbelanjaan pengguna apabila orang ramai mempercepatkan pembelian sebelum kadar baharu berkuat kuasa, sama seperti yang berlaku menjelang pelaksanaan GST pada 2015.

“Namun, keadaan ini dijangka pulih seperti biasa dalam tempoh beberapa bulan selepas pelaksanaan.

“Kesan terhadap inflasi juga dijangka sederhana berikutan pengecualian dan pelepasan cukai yang ditawarkan kerajaan,” katanya.

Tambah beliau, semakan ini secara keseluruhan dijangka memberi impak positif terhadap tabung negara, sekali gus menyokong agenda kemampanan fiskal jangka panjang. BERNAMA